

Dua kaedah persijilan kepada tapak pelancongan akan diperkenal

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Kerajaan akan memperkenalkan dua kaedah persijilan kepada tapak pelancongan di negara ini iaitu 'Blue Flag' dan 'Green Globe', selain menyediakan lebih banyak aktiviti berkaitan acara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed hari ini.

"Blue Flag' akan diberikan kepada pantai yang menepati piawai antarabangsa dan 'Green Globe' akan diberi kepada tapak eko-pelancongan yang mengamalkan perlindungan dan pembaikan alam sekitar," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa membentangkan usul mengenai kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-8 di Parlimen hari ini.

Katanya, produk dan perkhidmatan pelancongan yang berkualiti akan turut diadakan.

Beliau berkata, bagi mencapai potensi sepenuhnya dalam industri pelancongan, Kerajaan akan mengambil langkah untuk mempromosi pelancongan tempatan dan antarabangsa.

Antaranya, pendidikan, kesihatan, sukan, pelancongan berasaskan pertanian dan ekologi.

Perdana Menteri berkata, pada masa yang sama pekerja dalam industri pelancongan akan dilatih dan dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan bagi memenuhi pelbagai permintaan dan harapan daripada pelancong.

Tambahnya, tarikan kempen jualan yang unik akan diteruskan berdasarkan slogan 'Malaysia Truly Asia' bagi meningkatkan imej Ma-

laysia sebagai syurga pusat membeli belah.

"Kita juga akan menghantar misi penggalakan pelancongan ke Timur Tengah, Amerika Syarikat, China, India dan Jepun sebagai usaha meningkatkan kadar kemasukan pelancong ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata, usahawan akan digalakkan untuk meningkatkan usaha bagi mendapatkan agensi pengedaran bagi produk pengguna dan jenama antarabangsa yang baru dan yang baru muncul.